



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PERUSAHAAN BURUNG WALIT

A. GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT (1GP)

1. PREMIS PERLADANGAN BURUNG WALIT

1.1. Aspek Perancangan Premis Perladangan SEDIA ADA

i. **Kawasan Bandar**

- a) Premis sedia ada yang terletak di kawasan bandar tetapi bukan di dalam pusat tumpuan utama aktiviti bandar adalah dibenarkan terus beroperasi mengikut garis panduan yang disediakan di bawah Amalan Baik Penternakan Haiwan (GAHP).
- b) Premis sedia ada di pusat tumpuan utama aktiviti Bandar adalah dibenarkan terus beroperai sekiranya mengamalkan GAHP dan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- c) Pengubahsuaian fasad, tambahan bangunan dan pembesaran bangunan adalah tidak dibenarkan.
- d) Jackroof perlu sesuai dan harmoni dengan bangunan persekitaran.
- e) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)
- f) Mengemukakan permohonan lesen premis kepada PBT.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT

**ii. Kawasan Luar Bandar**

- a) Lokasi yang dibenarkan adalah kawasan pertanian dan kawasan industri.
- b) Lokasi yang tidak dibenarkan ialah sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan taman permainan, kawasan kegunaan khas, rizab utiliti dan kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal.
- c) Had bangunan adalah tidak melebihi atau sama dengan 12 meter
- d) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
- e) Mengemukakan permohonan lesen premis kepada PBN.

**iii. Tapak / Bangunan Warisan**

- a) Tapak/bangunan warisan adalah seperti mana yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO atau telah diwartakan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- b) Semua keputusan setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal Tapak Bangunan Warisan (TWGBW) termasuk aktiviti untuk mengubah apa-apa fasad dan struktur luaran dan dalaman bangunan warisan.
- c) Premis sedia ada dibenarkan beroperasi sehingga TWGBW bersidang dan membuat keputusan.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT

**iv. Sekitar Lapangan Terbang**

- a) Sempadan zon penampaman di sekitar lapangan terbang adalah berdasarkan Rancangan Tempatan PBT.
- b) Aktiviti burung walit adalah tidak dibenarkan di sekitar 10 kilometer di hujung kedua-dua hujung landasan lapangan terbang melainkan mendapat kebenaran Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA).

1.2. Aspek Perancangan Premis Perladangan **BARU**

**i. Kawasan Bandar**

- a) Lokasi yang tidak dibenarkan ialah di pusat tumpuan utama aktiviti Bandar.
- b) Premis baru di kawasan Bandar perlu mengikut GAHP.
- c) Premis baru burung walit yang menggunakan bangunan sedia perlu mengekalkan pintu dan tingkap sedia ada. Penutupan tingkap sedia ada perlu dibuat dari bahagian dalam bangunan.
- d) Laluan keluar masuk burung walit secara top entry adalah digalakkan.
- e) Reka bentuk bangunan termasuk jack roof perlu menggunakan struktur yang kukuh, bersesuaian dan harmoni dengan bangunan sekitar.
- f) Zon penampaman minimum 50 meter dari kawasan perumahan sepenuhnya.



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT**

- g) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
- h) Mengemukakan permohonan lesen premis baru kepada PBT.

**ii. Kawasan Luar Bandar**

- a) Lokasi yang dibenarkan adalah kawasan pertanian (hanya bangunan jenis sesebuah dibenarkan) dan kawasan industri
- b) Lokasi yang tidak dibenarkan ialah sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan taman permainan, kawasan kegunaan khas, rizab utiliti dan kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal.
- c) Syarat tanah ialah pertanian atau industri.
- d) Reka bentuk bangunan termasuk jack roof perlulah menggunakan struktur yang kukuh, bersesuaian dan harmoni dengan kawasan sekitar.
- e) Had bangunan adalah tidak melebihi atau sama 12 meter.
- f) Premis baru burung walit yang menggunakan bangunan sedia perlu mengekalkan pintu dan tingkap sedia ada. Penutupan tingkap sedia ada perlu dibuat dari bahagian dalam bangunan
- g) Laluan keluar masuk burung walit secara top entry adalah digalakkan.



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT**

- h) Perlu menyediakan zon penampan minimum 50 meter dari kawasan perumahan sepenuhnya.
- i) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
- j) Mengemukakan permohonan kebenaran merancang, pelan/permit bangunan dan lesen premis kepada PBN.

**iii. Tapak / Bangunan Warisan**

- a) Tapak/bangunan warisan adalah seperti mana yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO atau telah diwartakan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- b) Semua keputusan setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal Tapak Bangunan Warisan (TWGBW) termasuk aktiviti untuk mengubah apa-apa fasad dan struktur luaran dan dalaman bangunan warisan.
- c) Premis sedia ada dibenarkan beroperasi sehingga TWGBW bersidang dan membuat keputusan.

**iv. Sekitar Lapangan Terbang**

- a) Sempadan zon penampan di sekitar lapangan terbang adalah berdasarkan Rancangan Tempatan PBT.
- b) Aktiviti burung walit adalah tidak dibenarkan di sekitar 10 kilometer di hujung kedua-dua hujung landasan lapangan terbang melainkan mendapat kebenaran Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA).



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT

**B. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT (1GP)**

**Perusahaan Sarang Burung Walit**

**1) Sedia ada / Pemutihan**

- 1.1. Perusahaan sarang burung walit yang telah dijalankan sebelum 1 Mei 2011.
- 1.2. Pengusaha yang terlibat perlu membuat permohonan lesen perniagaan di Majlis Daerah Tanjong Malim dalam tempoh 14 hari dari tarikh taklimat.
- 1.3. Permohonan akan dipertimbangkan oleh pihak MDTM berdasarkan aspek perancangan premis sedia ada seperti mana yang dinyatakan didalam 1GP
- 1.4. Tempoh 6 bulan diberi untuk pemohon mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan MDTM.

**2) Baru**

- 2.1. Perusahaan sarang burung walit yang telah dijalankan pada atau selepas 1 Mei 2011.
- 2.2. Mana-mana pengusaha yang baru dan memohon aktiviti perusahaan sarang burung walit selepas daripada tarikh tersebut perlu mematuhi kehendak aspek perancangan premis yang baru seperti mana yang telah ditetapkan didalam 1GP. Antaranya ialah pematuhan syarat premis burung walit perlu zon penampang minimum 50 meter dari kawasan perumahan sepenuhnya. Jika syarat ini tidak dipatuhi, aktiviti perusahaan sarang burung walit perlu dihentikan serta merta.



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT**

dipatuhi, aktiviti perusahaan sarang burung walit perlu dihentikan serta-merta.

- 2.3. Pengusaha hendaklah berdaftar dengan JPV (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) terlebih dahulu sebelum memohon lesen perniagaan MDTM.
- 2.4. Pengusaha perlu mengemukakan sijil kehadiran kursus dari JPV semasa mengemukakan permohonan lesen.

**C. SYARAT KELULUSAN LESEN PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT**

- 1) Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah :
  - 1.1. Aktiviti burung walit tidak dibenarkan di dalam premis kediaman.
  - 1.2. Bunyi dari corong suara ajuk bunyi hendaklah tidak melebihi 40 desibel diukur 6 meter dari dinding luar bangunan.
  - 1.3. Corong ajuk bunyi hendaklah dicondongkan pada 60 derajah menghala ke atas premis burung walit.
  - 1.4. Tempoh masa ajuk bunyi dibenarkan antara jam 7.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 5.00 petang hingga 8.00 malam sahaja.
  - 1.5. Kawasan persekitaran dan dinding luar premis hendaklah sentiasa bersih.



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT**

- 1.6. Premis hendaklah tidak menimbulkan kacau ganggu, bau busuk, pembiakan lalat, nyamuk dan lain-lain serangga pembawa penyakit.
- 1.7. Kelulusan permit hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di premis dan hendaklah dikemukakan apabila diminta oleh mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa.
- 1.8. Kemudahan untuk membasuh perlu disediakan di premis tersebut.
- 1.9. Air tidak boleh bertakung di atas lantai atau di dalam apa-apa takungan tanpa kawalan. Hanya alat humidifier dibenarkan.
- 1.10. Najis burung (guano) perlu dikumpul dan dikeluarkan dari premis secara berjadual.
- 1.11. Jika mempamerkan papan iklan atau papan tanda di premis tersebut, permohonan lesen papan iklan perlu mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
- 1.12. Bagi kategori permohonan sedia ada / pemutihan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, tempoh 6 bulan diberi untuk pelaksanaan pematuhan syarat.
- 1.13. Mendapat kelulusan pindaan bangunan daripada Jabatan Kejuruteraan, MDTM sekiranya terdapat pindaan pada bangunan asal.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT

- 1.14. Mematuhi syarat berkaitan kelulusan bangunan bagi tujuan premis burung walit yang ditetapkan di mana bangunan hendaklah dilepa, disimen dan dicat.
- 1.15. Pihak MDTM berhak untuk membatalkan lesen sekiranya pengusaha gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 1.16. Yang Dipertua, atau mana-mana Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis boleh memasuki premis untuk tujuan pemeriksaan atau penyiasatan yang berkaitan.
- 1.17. Pengusaha perlu mengemukakan carian rasmi berhubung hak milik tanah.
- 1.18. Menjelaskan fee permit perniagaan, fee kebenaran merancang, dan lain-lain fee yang ditetapkan.
- 1.19. Mematuhi arahan Yang Dipertua dan Majlis daripada masa kesemasa.



SYARAT- SYARAT PERUSAHAAN BURUNG WALIT

**D. FEE LESEN**

1. Fee permit perniagaan bagi status pemutihan untuk tempoh 6 bulan ialah RM 300.00 (RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS) setahun.
2. Fee permit perniagaan bagi premis yang telah mematuhi syarat – syarat perniagaan perusahaan burung walit ialah : -

Perusahaan Sarang Burung Walit	Mengilang/ Memproses (RM)	Memborong/ Menjual/ Perkhidmatan (RM)	Menyetor (RM)
Bagi keluasan lantai premis kurang atau bersamaan 2,800 kaki persegi	240	240	240
Bagi keluasan lantai premis melebihi atau bersamaan 2,800 kaki persegi sehingga 4,200.00 kaki persegi	360	360	360
Bagi keluasan lantai premis kurang atau bersamaan 4,200 kaki persegi	500	500	500